



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**08 April 2025
09 Syawal 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo	•
Sinar Harian	• Terengganu rancang bina garisan tukun pesisir pantai
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	• Maritim Malaysia tahan bot nelayan tangkap ikan secara haram
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
BenarNews Malaysia [Online]	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL		26	8-04-2025

Terengganu rancang bina garisan tukun pesisir pantai

KUALA TERENGGANU - Terengganu merancang untuk mewujudkan garisan tukun sepanjang 245 kilometer (km) jajaran pantai negeri itu bermula dari Kemaman hingga Besut.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, projek itu bertujuan memelihara kelestarian alam pada masa kini dan akan datang dengan sasaran utama melabuhkan satu kelompok tukun bagi setiap 1km.

"Tahun ini, kita merancang melabuhkan kira-kira 100 unit tukun tiruan konkrit berbentuk kuboid yang akan diagihkan secara adil ke semua daerah yang mempunyai pesisir pantai.

"Setakat ini, lebih 1,600 unit tukun telah ditempatkan di sepanjang pantai Terengganu,"

katanya dalam kenyataan di sini pada Isnin.

Azman berkata, inisiatif itu menunjukkan komitmen kerajaan negeri dalam memelihara sumber perikanan dan ekosistem laut serta memberi manfaat kepada nelayan dan peminat aktiviti rekreasi di kawasan tersebut.

Beliau berkata, kajian dijalankan oleh institusi pengajian tinggi tempatan bersama Jabatan Perikanan Malaysia mendapati purata kepadatan ikan di tukun-tukun Terengganu tertinggi di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

"Kajian tersebut menyatakan



DR AZMAN

kepadatan ikan di tukun-tukun Terengganu ialah yang tertinggi dengan kira-kira 75 peratus kepadatan mengatasi Kelantan, Pahang dan Johor Timur," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, tukun tersebut terbahagi kepada dua kategori iaitu tukun rekreasi dan tukun konservasi.

"Tukun rekreasi dilabuhkan di luar kawasan taman laut dan terbuka untuk nelayan serta pemancing rekreasi.

"Tukun konservasi pula dilabuhkan di kawasan taman laut untuk tujuan pembiakan hidupan laut dengan larangan aktiviti penangkapan ikan.



Antara kawasan tukun tiruan yang menjadi habitat pembiakan ikan di pantai Terengganu.

"Rasionalnya, kita perlu ada suatu kawasan yang digazetkan sebagai zon pembiakan ikan

tanpa gangguan bagi terus memperkayakan sumber perikanan," ujar beliau.

Maritim Malaysia tahan bot nelayan tangkap ikan secara haram ^{xve}



KUALA LUMPUR – Cubaan sebuah Vesel Nelayan Tempatan (VNT) kelas B1 menangkap ikan secara haram di perairan Tanjung Karang gagal apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Selangor dalam operasi petang semalam.

Pengarah Maritim Negeri Selangor, Kapten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata, tangkapan dilakukan kira-kira pukul 6.10 petang oleh anggota sebuah Kapal Maritim yang sedang menjalankan

Maritim Malaysia tahan bot nelayan tangkap ikan secara haram

rondaan rutin sekitar 9.2 batu nautika barat daya Tanjung Karang.

“Pemeriksaan mendapati vesel terbabit dikendalikan oleh seorang tekong lelaki, pemastautin tetap berusia 67 tahun, bersama dua awak-awak warga Indonesia berumur 43 dan 37 tahun yang gagal mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah,” katanya dalam kenyataan.

Selain itu, hasil siasatan awal turut mendapati vesel berkenaan melanggar syarat sah lesen di bawah Akta Perikanan 1985, termasuk penggunaan mata pukat kurang daripada 38 milimeter yang dilarang dalam operasi penangkapan ikan.

Turut dirampas kira-kira 100 kilogram ikan campur, dipercayai hasil tangkapan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Ketiga-tiga individu bersama vesel dan hasil rampasan diiring ke Jeti Pasukan Polis Marin, Pulau Indah untuk tindakan lanjut.

Kes disiasat mengikut dua akta utama iaitu Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63 kerana melanggar syarat lesen serta kegagalan membawa dokumen pengenalan diri.

Maritim Malaysia tahan bot nelayan tangkap ikan secara haram

“Maritim Malaysia tidak akan berkompromi terhadap sebarang bentuk pelanggaran undang-undang dan lesen sah. Penguatkuasaan akan terus dipertingkatkan khususnya di perairan negeri Selangor bagi membanteras aktiviti perikanan haram di perairan negeri ini,” ujar Muhaimin.